

20 MAR 2000

DR MAHATHIR Pengerusi Mesyuarat MT UMNO

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno hari ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno.

Mesyuarat itu yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dijangka membincangkan perjalanan mesyuarat bahagian, Pergerakan Pemuda dan Wanita yang diadakan sepanjang bulan ini.

Ia juga dijangka akan membincangkan persiapan parti bagi menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang pada 1 April ini berikutan kematian anggota DUN kawasan itu Datuk Abdullah Kia akibat sakit jantung.

Penamaan calon bagi kerusi itu akan diadakan esok.

-- BERNAMA

AR RI